

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **ALAM DAN SISTEM POLITIK MALAYSIA: SATU PANDANGAN HOLISTIK MENGENAI WIBAWA MEDIA DALAM KONTEKS BUDAYA POLITIK MALAYSIA**

*Nasrudin Mohammed*

## **ABSTRAK**

*Kertas pemikiran ini mengutarakan perbincangan mengenai sistem politik Malaysia serta aktiviti-aktiviti politik yang dilihat secara khusus dadri sudut pengamalan media. Liputan ini dipilih atas beberapa alasan, antaranya yang utama termasuklah berkenaan aliran pendekatan media serta pemilihan isu-isu yang menyumbang kepada keputusan politik dalam kerangka budaya politik Malaysia. Ini terutamanya dengan memusatkan tumpuan pemerhatian dan perbincangan kepada Pilihanraya Umum ke-12. Kertas ini juga akan menumpukan perbincangan kepada isu-isu yang berkaitan – secara langsung dan tidak langsung – dengan ideologi dan pendekatan media; evolusi budaya politik; dan pandangan mengenai politik dan politi Malaysia secara ringkas.*

## **MENGENAI ALAM & SISTEM POLITI MALAYSIA**

Lingkungan alam dan sistem politi Malaysia adalah berteraskan Melayu. Ini adalah kenyataan asas yang menjadi landasan kertas pemikiran ini. Bagaimakah untuk mengetahui kedalaman kenyataan ini? Nilai-nilai ritual, simbolisme dan estetika yang terpancar pada kepercayaan, nilai dan amalan dunia Melayu dapat dilihat secara langsung dan secara tersirat pada teks-teks kesusasteraan Melayu klasik. Sumber-sumber teks tradisi seperti sejarah Melayu, Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut, adalah sekadar contoh. Selain itu, jurnal-jurnal dan buku-buku yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah dan antropologis-sosiologis serta sumber-sumber bacaan secara atas talian (*on-line*) dan dibukukan juga menyediakan peluang yang sangat luas untuk penderokaan maklumat tersebut. Antara yang diperakukan termasuklah jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh agensi-agensi yang diiktiraf kewibawaan mereka seperti *Council of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (MBRAS) dan *Malaysian Historical Association* (MHA).

Selain itu, tidak kurang juga bilangan artikel dan buku yang disusun dan dikarang oleh mereka yang diakui ketokohan masing-masing. Artikel-artikel serta buku-buku seperti yang dikarang umpsamanya oleh Aminudin Baki (1996); Buyong Adil (1991), Mohamed Amin Hassan (1966; 1967), Mohamed Ibrahim bin Abdullah Munshi (1975), Sheppard, (1985), Swettenham, (1890; 1900), Khoo Kay Kim (1972; 1974; 1991) Gullick (1958; 1987; 1992; 1998) memadai sekurang-kurangnya untuk memberi gambaran sistem politi alam Melayu.

Pada dasarnya, sistem politi Malaysia berkait-rapat dengan elemen-elemen sosio-budaya dan sosio-politik Melayu sama ada tradisi dan moden. Untuk lebih memahami, pengetahuan asas mengenai sejarah Tanah Melayu – terutamanya kisah-kisah kegemilangan Kerajaan Melaka - dianggap boleh membantu.<sup>1</sup> Dalam pemerhatian dan kajiannya yang mendalam terhadap kemajuan dan pembangunan Tanah Melayu, Gullick (1998:186) menyebutkan betapa dalam sejarah dunia Melayu, kawalan dan penguasaan ke atas sumber-sumber ekonomi sentiasa menjadi asas kepada kuasa politik. Inilah aliran atau *trend* yang sering dicatatkan secara berterusan dalam sejarah Tanah Melayu sejak zaman tradisi Melaka (sejak tahun 1400). Khoo (1992: 44) turut mengungkapkan pertalian antara kuasa ekonomi dan politik alam Melayu apabila beliau mengaitkan keduə-dua “kuasa” tersebut dengan perubahan yang dialami oleh alam Melayu. Perubahan tersebut yang dilihat melalui beberapa fasa mengandungi kelainan yang tersendiri dari segi pernyataan sejarah mengenai sistem politik negara ini dalam kaitannya dengan transformasi masyarakat Tanah Melayu.

Dipandang dari pelbagai sudut, alam Melayu secara bandingannya menawarkan lingkungan dan persekitaran sistem politi yang tenang dan selamat. Tidak pernah sekalipun alam Melayu menunjukkan episod sejarah yang melampau – apakah lagi sebarang kemungkinan anarki - dari segi tindakan komuniti Melayu kepada bangsa lain, selain daripada tindakan untuk menjaga dan mempertahankan kesejahteraan dunia yang dirujuk sebagai “alam Melayu” itu sendiri.<sup>2</sup> Masyarakat alam Melayu – biar dari kalangan Bugis, Minangkabau, Sumatera, Mandailing, Kerinchi, Jawa, Asli dan seumpamanya – tidak pernah direkodkan dalam sejarah pernah, secara sesuka hati, menganiaya dan menyusahkan orang-orang lain yang datang dari luar alam Melayu. Sebaliknya, komuniti lain, terutamanya orang-orang Cina di alam ini dilindungi secara eksklusif oleh ketua-ketua puak Melayu sendiri. Buruh-buruh asing, terutamanya di kalangan etnik Cina telah mula dibawa masuk sebagai sumber tenaga manusia di lombong bijih timah dan emas di Titian Akar, dekat Bandar Melaka sejak tahun 1793. Sungai Ujong dan Lukut merupakan antara dua kawasan perlombongan utama yang dicatatkan dalam sejarah yang menyaksikan gabungan usaha orang-orang Melayu dengan orang-orang China. Sejak itu sehingga ke tahun 1880an, para pemerintah dan pentadbir alam Melayu sudahpun memberikan sambutan, penerimaan dan memberi ruang yang luar biasa terhadap kehadiran orang-orang asing, terutamanya pelombong-pelombong China di alam ini. Para pentadbir tersebut, antaranya yang dicatat dalam dokumen-dokumen sejarah yang masih boleh dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia pada hari ini, antaranya termasuklah Raja Busu (meninggal dunia pada 1834), Raja Jumaat (meninggal dunia pada 1864), Raja Abdullah (pengasas Kuala Lumpur), Sultan Ahmad Tajuddin (1855-1879), Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Tunku Kudin (1868-1878).

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa beberapa peristiwa yang merupakan titik-titik hitam dalam alam Melayu ini tetap ada. Cuma, meskipun berlaku kekecohan dan kekalutan, namun kekecohan itu diyakini berpunca daripada tekanan ekonomi serta konflik dan krisis dalaman yang melibatkan bangsa Melayu sendiri. Jika ada pun konflik yang melibatkan perhubungan antara orang Melayu dengan bangsa lain, ia terjadi akibat daripada pertentangan konflik nilai dan amalan antara orang Melayu dengan bangsa lain yang terlibat yang tidak dijaga sensitivitinya.

Pada tahun-tahun 1828 dan 1834 umpamanya, alam Melayu menyaksikan pertelingkahan berdarah antara orang Melayu dan China akibat daripada isu ekonomi dan kependudukan. Pada tahun 1828, hampir-hampir 1,000 orang China dibunu di Rasah, yang dikaitkan oleh sejarawan dengan isu lebihan dan kebanjiran penduduk akibat daripada bilangan lombong yang semakin bertambah. Pada September 1834 pula, dilaporkan antara 300-400 orang China menyerang dan

membakar kediaman pentadbir Lukut, Raja Busu serta beberapa ‘majikan’ Melayu yang lain. Raja Busu merupakan pembesar Melayu yang memberi peluang kepada orang-orang China untuk datang ke Lukut dari Melaka untuk bekerja di lombong Lukut. Dalam tragedi itu Raja Busu meninggal dunia. Tragedi itu kemudiannya disusul dengan tindakbalas orang-orang Melayu yang membunuh orang-orang China sewaktu orang-orang China berusaha melarikan diri ke sempadan wilayah Melaka.<sup>3</sup>

Sifat alam Melayu memang unik. Kebanyakan ahli sejarah dan pencatat sejarah bersetuju bahawa alam Melayu menyediakan platform pembelajaran yang amat sesuai untuk memahami kenyataan betapa perlunya rakyat negara ini menghayati dan menghargai kehidupan bersama. Alam Melayu ini telah memberi ruang dan peluang kepada semua ahli masyarakat negara ini selama tidak kurang daripada 210 tahun yang lampau. Asas pentadbiran alam Melayu ini bukanlah baru sehari dua ini diwujudkan. Sewaktu kebangkitan Selangor dan Kuala Lumpur sebagai pusat pembangunan ekonomi di alam Melayu ini, seluruh alam Melayu serta antarabangsa, sejauh Belanda, British, Timur Tengah dan China, memahami sifat negara ini yang sedemikian unik. Ambil contoh Selangor dan Kuala Lumpur. Apa yang dihidupkan pada hari ini – yang ditunjukkan oleh kepesatan pembangunan Selangor dan Kuala Lumpur khususnya – adalah jelmaan pemikiran dan usaha Raja Jumaat dan Raja Abdullah khususnya yang membuka ruang dan memberi peluang kepada orang-orang China untuk bersama-sama dengan orang-orang Melayu yang sememangnya sudah sedia bekerja di kawasan yang pada hari ini dikenali sebagai Kuala Lumpur.

Pada hari ini, Kuala Lumpur bukan sahaja jadi pusat perniagaan dan perdagangan paling sibuk di alam Melayu ini, malah menjadi benteng kebal tumpuan perekonomian masyarakat bukan Melayu. Secara tradisi, alam Melayu menunjukkan bahawa tumpuan kuasa politik orang Melayu terletak pada amalan pemusatan kuasa Kesultanan Melayu. Atas sifat itulah maka Kuala Selangor menjadi pusat pentadbiran kerajaan pada zaman lampau. Namun keadaan itu tidak lagi menjadi aliran di alam Melayu dalam konteks pembangunan Kuala Lumpur. Sehingga tahun 1875 misalnya, Swettenham melaporkan keadaan Kuala Lumpur yang jelas menunjukkan pemisahan dari segi corak petempatan dan pentadbiran yang berdasarkan pengasingan antara Melayu, China dan Eropah. Peta Kuala Lumpur lakaran Swettenham serta perbandingan dengan kajian-kajian lain selepas itu dengan jelas menggambarkan persempadanan antara Melayu, China dan Eropah.<sup>4</sup> Yang nyata, persempadanan itu memang sengaja diwujudkan, lalu diterima di alam Melayu ini, semata-mata atas kesediaan komuniti Melayu untuk mengelakkan sebarang pertelingkahan khususnya dengan komuniti Cina.<sup>5</sup>

Selama ini, alam Melayu disejahterakan oleh paduan antara nilai-nilai berkehidupan secara murni. Toleransi dan saling memahami merupakan penawar yang telah menghidupi alam Melayu. Persefahaman itulah juga yang ditunjukkan dalam soal-soal pentadbiran petempatan yang melibatkan sensitiviti dan hak eksklusif masyarakat alam Melayu yang sentiasa diberikan perhatian oleh Yap Ah Loy selaku Ketua Pentadbir, atau Kapitan orang China di Kuala Lumpur. Dan ini membawalah sehingga ke saat-saat genting tatkala negara ini di ambang mencapai kemerdekaan. Ketika ketidakpastian masih terus menggelisahkan semua komuniti Melayu khususnya berkenaan soal kewarganegaraan, komuniti Melayu masih terus mempamerkan polisi penerimaan dan memberi ruang.<sup>6</sup>

Atas konsep dan semangat penerimaan serta memberi lalu itulah, maka sistem politi Melayu melihat sebarang ketidakpedulian pentadbir politik bukan Melayu dalam soal ini tentunya mengundang potensi kesangsian alam Melayu mengenai niat sebenar mereka, dan barangkali, niat

sebenar orang-orang bukan Melayu tatkala mereka kembali mengungkit-ungkit soal rakyat Malaysia dan kewarganegaraan yang dikatakan “hak” mereka.<sup>7</sup> Dan kata-kata seperti “tidak perlu berterima kasih kepada pentadbir-pentadbir politik Melayu atas isu kerakyatan” umpamanya, dianggap merupakan provokatif yang berisiko terhadap sistem politik negara.<sup>8</sup>

Dari sudut sains politik, realiti dan proses hubungan etnik ada kaitannya dengan lima tindakan. Pertama, pemisahan (*segregation*).<sup>9</sup> Ini ada kaitan dengan latar belakang sejarah negara ini yang dijajah secara ‘pecah dan perintah’. Inggeris mengamalkan dasar pemerintahan yang tidak menguntungkan anak peribumi dengan cara membiarkan anak peribumi kekal dengan kegiatan-kegiatan tani dan luarbandar sedangkan buruh-buruh asing dibawa masuk secara beramai-ramai sehingga menjelaskan komposisi dan struktur sosial masyarakat negara ini. Pendekatan birokrasi Inggeris di dalam menangani isu-isu pembangunan di negara ini misalnya dengan jelas dapat dikesan sebagai tertumpu kepada tiga keutamaan:

1. Menjana modal khususnya daripada pelabur-pelabur Eropah, China dan lain-lain;
2. Menggalakkan kemasukan buruh-buruh terutamanya daripada China dan India; dan
3. Membantu memajukan sumber-sumber galian dan pertanian.

Pernyataan ini dijelaskan misalnya oleh penulis Inggeris, Tilman (1964) yang memetik laporan Pemangku Residen-General Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai berkata:

*“The general policy of the British advisers has been to interfere as little as possible with the manners, customs, methods and prejudices of the different nationalities composing the population of the States; to interfere not at all in matters touching the Mohammadan religion - the religion of the Malays; to attract capital - European, Chinese and other; to encourage the immigration of Chinese, Indian and other labourers; to assist the development of the mineral and agricultural resources of the States...”*

Implikasi langsung dapat dikesan dengan mudah. Kawasan kampung dan luar bandar dibiarkan terpinggir. Penglibatan dalam kegiatan ekonomi dan politik disekat pada tahap minimum kerana Inggeris bimbang pengalaman mereka menjajah India misalnya menyebabkan rakyat bangkit setelah mendapat pendidikan dan pengalaman dari luar. Ini yang diakui misalnya oleh para pegawai Inggeris di Tanah Melayu yang mengatakan bahawa warga peribumi sewajarnya dikekalkan dengan kegiatan tani dan ketukangan tangan. Sedangkan untuk membangun sektor ekonomi, boleh dilaksanakan melalui penglibatan buruh-buruh asing dari China dan India.

Tindakan kedua yang memberi kesan kepada hubungan etnik dalam komuniti adalah proses memberi luang (*accommodation*). Proses ini antara lain melibatkan unsur-unsur tawar menawar dan tolak ansur yang dibenarkan oleh penduduk tempatan kepada orang-orang asing atau luar. Ini juga melibatkan seperti ‘kontrak sosial’ yang memberi jaminan keselamatan dan keselesaan kepada kesemua pihak yang bersetuju untuk saling menerima dan memberi. Misalnya dalam soal memberikan taraf warganegara kepada bukan Melayu. Ini persetujuan yang ada syaratnya dahulu. Dan inilah kemudiannya yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pendekatan ketiga adalah melalui pertembungan budaya (*acculturation*). Proses ini melibatkan pertemuan budaya-budaya yang berbeza yang kemudiannya memberi laluan dan peluang kepada

sesuatu budaya untuk menerapkan nilai dan unsur budaya baru ke dalam budaya asal. Sama ada ini disenang atau tidak bergantung kepada trend dan penerimaan pihak yang tertentu.

Keempat, pendekatan secara penyebatan (*assimilation*). Keadaan ini berlaku apabila budaya sesuatu masyarakat diserapkan – sama ada secara paksa atau rela – ke dalam budaya sesuatu masyarakat lain. Contoh antara lain termasuklah bagaimana kaum China di Melaka mengamalkan budaya dan nilai Melayu seperti penggunaan bahasa dan adat budaya (Baba); atau seperti yang dialami oleh sesetengah Thai Muslim yang dipaksakan oleh pemerintah untuk menurut dan mengamalkan budaya Thai-Buddha dengan meninggalkan adat resam dan budaya Melayu asal seperti di Selatan Thai (Satun, Yala, Patani dan Narathiwat).

Dan kelima, secara penyatuan (*amalgamation*). Proses ini melibatkan penyerapan pelbagai budaya dan nilai yang pada akhirnya menjelmakan satu bentuk budaya baru di dalam masyarakat. Wujudnya apa yang dilihat sebagai polisi “kompromi dan memberi ruang” secara berterusan tanpa ragu-ragu. Setelah agak lama berada di Tanah Melayu, mereka – buruh-buruh asing China dan India – mula menuntut taraf warganegara. Ini berbalik kepada kontrak sosial yang memperlihatkan persetujuan kaum-kaum lain – sewaktu ambang kemerdekaan – untuk mengiktiraf dan mengakui ketuanan Melayu sebagai balasan kepada taraf kewarganegaraan yang dianugerahkan kepada bukan Melayu.

Hari ini, semenjak kemerdekaan, sistem politi dan politik Malaysia terus tertegak atas pengamalan model persekutuan yang berteraskan penggabungan komitmen politik antara kaum-kaum utama yang dikawal oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai rujukan perundangan tertinggi.

## BUDAYA POLITIK

Ini adalah topik yang sangat luas. Budaya politik antara lainnya merangkumi nilai-nilai, sikap, kepercayaan dan orientasi yang dikongsi bersama. Ia juga melibatkan hala dan gaya pemikiran serta perilaku individu dalam konteks persekitaran serta institusi yang mereka berada di dalamnya. Kewibawaan media dalam menggunakan unsur-unsur yang berkaitrapat dengan budaya politik mempengaruhi secara langsung sistem politi dan politik semasa. Leeds (1981:194) misalnya percaya bahawa kepercayaan politik seseorang individu merupakan sebahagian daripada tindakbalas personalitinya serta beberapa pengaruh sosial dan persekitaran lain yang semuanya menyumbang kepada budaya politik semasa.<sup>10</sup>

## Beberapa faktor yang perlu dipertimbang dalam mencetuskan budaya politik

---

Faktor	Contoh
Sejarah	Semua peristiwa bersejarah mempengaruhi pembangunan negara. Dalam konteks Malaysia, peralihan daripada Hinduisme kepada Islam; Sistem Kesultanan; pembangunan petempatan; Kemerdekaan dan sebagainya mempengaruhi budaya politik.
Geografi	Misalnya sifat lokaliti; iklim; topografi; geologi dan sebagainya. Sejarah Malaysia misalnya dikaitkan dengan sumbangan sifat kepulauannya dalam rantau ini.
Struktur sosio-ekonomi	Penggunaan polisi afirmatif (seperti DEB) yang melindungi hak dan keistimewaan Bumiputera disebut khusus dalam Perlembagaan Persekutuan. Contoh lain termasuk kadar urbanisasi, taraf pendidikan rakyat, pengagihan kekayaan serta pembangunan ekonomi.
Adat-Istiadat & tradisi politik	Melayu – Muslim sebagai budaya dominan dan dijelmakan dalam kepemimpinan tertinggi negara; Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Negara; Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi; Islam sebagai agama Persekutuan; manakala tradisi dan adat budaya pelbagai etnik diamalkan secara terbuka dan bebas.
Sosialisasi politik	Peranan pemimpin politik – yang diterajui Melayu Muslim mendominasi lanskap politik dan politi Malaysia – dalam mempromosi dan menerapkan pemikiran mengenai budaya politik; dengan pertimbangan etnik di fikiran serta ‘kontrak sosial’ ditekankan yang mengimbangi sentimen politik semasa.

---

### Skala Politik

Ungkapan bahawa ‘rakyat menentukan siapa berkuasa dalam politik’ itu sememangnya merupakan satu kepercayaan umum. Alasannya, oleh kerana rakyat yang menentukan siapa yang akan menjadi wakil mereka pada setiap kali pilihanraya diadakan, maka rakyat yang berkuasa. Bagaimanapun, dalam pengamalan, siapa sebenarnya yang berkuasa di dalam skala kuasa politik selalunya menjadi topik perbahasan tidak berkesudahan. Ada yang berpandangan bahawa ahli-ahli parti politik-lah yang berkuasa kerana mereka menentukan ‘siapa yang sewajarnya mendapat apa, bila dan bagaimana’. Dalam pengajian Sains Politik, hal seumpama ini dikatakan sebagai pengagihan skala kuasa politik. Ia melibatkan pengkajian mengenai kepercayaan individu samada kuasa politik diagihkan berdasarkan beberapa aliran orientasi yang tertentu. Aliran-aliran yang besar itu termasuklah yang dianggap sebagai pluralisme politik (penglibatan banyak pihak dalam mengagihkan kuasa politik), elit politik (kuasa diagihkan oleh kumpulan kecil namun amat ‘istimewa’); atau Marxis (kuasa politik dikawal oleh perniagaan gergasi).

## **Pluralistik**

Pendekatan ini melihat tidak ada satu kumpulan pun yang benar-benar dianggap mentadbir kerajaan di negara ini. Sebaliknya, keputusan-keputusan penting mengenai polisi negara dibuat oleh pelbagai kumpulan yang berbeza-beza yang terdiri daripada kalangan misalnya Pak-Pak Menteri tertentu, NGO, perwakilan parti, golongan ulama, profesional muda yang menjadi kumpulan pemikir, pendidik dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan tersebut mempengaruhi parti-parti politik, tetapi tidak ada satu kumpulan pun yang benar-benar menonjol yang berupaya boleh mengarah orang lain. Dalam keadaan sebenar, setiap kumpulan dianggap cukup berupaya untuk melindungi kepentingan masing-masing.

Dalam temubual antara Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi dengan Mingguan Malaysia (Ahad 17 Julai 2005), Perdana Menteri diajukan dengan pertanyaan berikut:

*“ORANG ada persepsi kononnya menantu Datuk Seri, Khairy Jamaluddin, ada peranan dan pengaruh tersendiri dalam pentadbiran dan keputusan yang dibuat oleh Datuk Seri?”*

Lalu Perdana Menteri membala,

*“Boleh jadi kerana dia pernah bekerja dengan saya (sebagai bekas Timbalan Ketua Setiausaha Sulit 2). Apabila bekerja dengan Perdana Menteri ini maklumlah banyak perkara yang dia bantu, beri pandangan dan analisis. Mereka ini semua pun membantu saya (menunjuk kepada pegawai-pegawaiannya)”*

Perwakilan UMNO dikira menyumbang kepada kaedah pengagihan kuasa seperti ini pada setiap kali Perhimpuan Agung diadakan. Mereka mengusulkan – dan memilih untuk tidak mengusulkan! – isu-isu yang patut dijadikan bahan perbincangan pada setiap kali perhimpunan berlangsung. Isu-isu seperti Agenda Melayu dalam konteks pendidikan tinggi dan profesional akan diungkapkan pada platform seperti Perhimpunan Agung. Pada masa yang sama, isu-isu lain yang dianggap mempunyai *scoop* juga akan dipertimbangkan seperti soal pemberian AP yang dikatakan tidak telus ataupun soal disiplin ahli parti yang dipersoalkan.

## **Elitis**

Pendekatan ini melihat kelibat satu kumpulan yang kecil – yang berada betul-betul di bawah dagu Perdana Menteri – yang turut ‘mengendali’ dan ‘mentadbir’ kerajaan. Kumpulan ini terdiri daripada ketua-ketua syarikat-syarikat perniagaan yang besar, termasuk perbadanan negara, individu-individu tertentu pegawai-pegawai tertinggi kerajaan dan sektor pertahanan, serta beberapa ahli politik kanan dan bekas ahli politik yang masih berpengaruh. Kumpulan ini biasanya menguasai atau pun setidak-tidaknya mempunyai kepentingan dalam parti-parti kerajaan. Mereka adalah kumpulan istimewa. Mereka mempunyai laluan langsung kepada pemimpin tertinggi kerajaan. Urusan rasmi mereka tidak berakhir sekadar di pejabat, tetapi dilangsungkan hingga ke kediaman pemimpin-pemimpin tertinggi semata-mata untuk menyudahkan kerja-kerja rasmi yang masih tertangguh.

## Pendominasi Ekonomi

Kumpulan yang ketiga, kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan dan syarikat-syarikat korporat yang yang berkuasa, yang benar-benar menguasai negara. Ketua-ketua pentadbir syarikat berkenaan menguasai parti-parti dominan dalam kerajaan. Ini bermakna banyak urusan dalam pemerintahan negara dikendalikan dan ditangani dalam cara yang agak sehala dengan cara dan strategi perniagaan dilaksanakan.

Mereka ini dianggap sebagai kumpulan terkuat yang menentukan hala-tuju corak pemerintahan negara pada peringkat eksekutif, atau pembuat keputusan. Bagaimanapun, pengaruh kumpulan ini bergantung kepada hayat politik Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Kebiasaannya, hanya individu-individu yang tertentu dan bijaksana sahaja yang mempu melepas tindakan cantasan politik semasa apabila kepemimpinan tertinggi negara bertukar orang. Apa yang jelas, siapa pun yang akhirnya ‘berkuasa’ secara politik biasanya tidak dipersoalkan. Sistem politik mempunyai budaya, peraturan dan undang-undang tersendiri yang sehingga kini diyakini rakyat. Malah, ahli-ahli parti politik sendiri pun menerima secara dasarnya bahawa siapa yang patut berkuasa dan siapa yang patut sekadar mengikut. Begitulah seterusnya, mereka juga yang menentukan misalnya, samada Agenda Melayu itu relevan atau tidak pada sesuatu masa dalam konteks siapa sebenarnya yang berkuasa.

Dengan kata lain, ini adalah soal kematangan politik. Ia mungkin melibatkan beberapa unsur asas, antaranya: pertama, ciri-ciri profesional yang ditunjukkan antara ahli-ahli politik dan pentadbir kerajaan yang sama-sama menyokong sistem semasa, meskipun ada kemungkinan mereka sendiri tidak memahami mengenai sistem itu secara menyeluruh. Apa yang penting adalah sokongan penuh mereka terhadap parti dan kerajaan. Kedua, keupayaan untuk menjawab prinsip demokrasi asas di kalangan semua pengamal dan peserta dalam sistem politik. Ketiga, menerima faktor kepelbagaiannya dalam sistem politik (pandangan, pendekatan dan kepercayaan). Keempat, keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kepemimpinan dan sistem semasa secara sepenuhnya. Ini yang sentiasa perlu dipastikan.

## MENGENAI MEDIA, PEMBERITAAN & POLITIK

Bergantung kepada aliran serta ideologi (sama ada Authoritarian, Libertarian, Soviet mahu pun tanggungjawab sosial), prinsip asas yang mendasari peranan media secara sejagat adalah peranan pemberitaannya dengan cara menyiasat dan mendalam peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling tanpa dibatasi oleh sempadan geografi, politik dan malahan masa. Ia juga meliputi soal-soal pentafsiran setiap peristiwa tersebut serta usaha media melancarkan proses sosialisasi individu di dalam rangka kerja budaya mereka.

Nilai-nilai berita pula sebahagiannya dipertimbang oleh unsur-unsur asas yang antara lainnya merangkumi kekerapan berita diulang-ulang; keupayaan berita untuk mencetuskan emosi dan seterusnya melahirkan pertimbangan dan tindakan seperti dalam bentuk keputusan dan pendirian politik; paduan unsur-unsur budaya yang mengakrabkan individu dengan sesuatu yang mungkin dalam bentuk sentimental yang boleh membua-buai perasaan dan mencetuskan emosi; boleh menyakinkan pembaca bahawa berita itu sememangnya ‘berita’ dan bukannya ‘fiksyen’; penggunaan

unsur-unsur mengejutkan dan di luar jangkaan; keupayaan sesuatu berita untuk terus kekal sebagai berita; serta kebijaksaan media menggambarkan sesuatu berita dengan cara berimbang dan rasional serta dapat dipercayakan.

Beberapa tinjauan yang dibuat dalam konteks pemilihan Presiden di Amerika Syarikat, meskipun sumbangan internet tidak dinafikan pengaruhnya menunjukkan bahawa media – terutamanya dalam bentuk elektronik – mendahului sebagai sumber berita utama yang digunakan oleh individu sebagai rujukan.<sup>11</sup> Media – dalam kepelbagaiannya – menjadikan pembaca dan penonton untuk menggabungkan diri mereka sebagai sebahagian daripada satu komuniti besar dalam budaya politik semasa. Media juga mengaitkan unsur-unsur keperibadian, komersialisasi, populariti serta tarikan-tarikan budaya, sekaligus mencetuskan semacam keakraban antara komuniti dengan media. Konsep personalisasi politik (media memberikan tumpuan yang berlebihan kepada personaliti dan perwatakan pemimpin dan ahli-ahli politik) kemudiannya mendominasi persekitaran budaya politik. Konsep personalisasi yang konvensyen – yang menunjukkan politik sebagai berpacuan mandat (yang berkaitan dengan polisi) kemudiannya dilihat berubah menjadi lebih kepada ‘pemimpin individu sebagai pemegang amanah’.

Sebagai contoh, laporan satu sumber yang memerhati dan menilai Pilihanraya Umum 12 Malaysia mengulas bagaimana media cetak utama negara memperuntukkan ruang yang sangat besar kepada pemaparan personaliti calon-calon pilihanraya khususnya yang pro-kerajaan semasa.<sup>12</sup> Pada hari pilihanraya itu sendiri, media dikesan mempertingkat penerbitan iklan-iklan yang berunsurkan pujaan dan tarikan untuk pengundi membuat keputusan politik pada saat-saat akhir dengan memaparkan iklan-iklan yang pro-kerajaan.<sup>13</sup>

## PAPARAN MEDIA & PERSONALISASI POLITIK

Memahami pemikiran pemimpin – terutamanya pemimpin politik – bukanlah mudah. Pemimpin dan kepemimpinan adalah dua perkara yang berbeza-beza meskipun kedua-dua ungkapan itu kelihatannya sangat berhubungan. Ia boleh diibaratkan sebagai sekeping wang syiling, meskipun berada dalam lingkungan yang sama namun mempunyai dua permukaan yang saling membelaangi.

Secara ilmiah, ada beberapa teori yang menerangkan mengenai kepemimpinan. Teori sifat menerangkan kepemimpinan dari sudut sifat-sifat fizikal (seperti ketinggian dan kegagahan) dan personaliti (kesabaran dan kemesraan) seseorang. Ungkapan karisme – yang menekankan sifat-sifat luarbiasa seseorang pemimpin – dikaitkan dengan teori ini.

Teori perilaku peribadi melihat seseorang pemimpin dan daya kepemimpinannya dari sudut tindakan atau akibat daripada tindakan pemimpin. Satu teori yang lain, teori situasi, melihat kepemimpinan dari segi tumpuan kepada tugas atau pun perhubungan antara pemimpin dengan pengikut manakala teori ketiga pula, teori transformasi, menumpukan perhatian kepada peranan pemimpin dari sudut karisme, pertimbangan dan daya membuat keputusan, serta keupayaan pemimpin untuk mencetuskan rangsangan intelektual kepada pengikut.

Dari sudut Islami, kepemimpinan dilihat dari sudut ummah (masyarakat) serta institusi-institusi dan proses-proses yang berkaitan dengan ummah. Jika tidak, kepemimpinan tidak boleh diharapkan

untuk membangun dan sejahtera secara holistik. Ini kerana kepemimpinan dikaitkan secara langsung dengan keutamaan yang diberikan kepada pembangunan insan secara menyeluruh. Dengan itu, nilai-nilai seperti amanah (*Al-Nisa* (4): 58); ikhlas (*Al-Zumar* (39):14); tanggungamanah (*Al-Zalzalah* (99): 7-8) dan *Al-Fatir* (35): 18); tekun dan tabah (*Hadith – Al-Bayhaqi*); bersyukur (*Al-Baqarah* (2): 172; 151); bersederhana (*Al-Furqan* (25): 67); bersih (*Al-Maidah* (5): 100); berdisiplin (*Al-Saff* (16): 4); bekerjasama (*Al-Maidah* (5): 21); dan sabar (*Al-Qur'an* (94): 6) semuanya diangkat sebagai kepemimpinan berkualiti dan berkesan.

## ANALISIS RINGKAS 1

Segmen pendek ini menyingkap pemikiran seorang pemimpin berdasarkan pandangan-pandangan yang sentiasa bersifat subjektif. Alasannya mudah. Seawal tahun-tahun 1950an lagi, pelbagai kajian yang dibuat oleh sarjana daripada berbagai-bagai disiplin tidak memperoleh konsensus atau kesepakatan dari segi bagaimana kepemimpinan wajar dilihat. Sebahagian besar daripadanya mengembalikan usaha-usaha penelitian mereka kepada faktor-faktor situasi, hasil kerja dan keputusan pemimpin serta nilai-nilai dan kepercayaan pemimpin dalam mencetuskan perubahan bermakna.

Dengan memikirkan itu di minda, segmen ini melihat personaliti Datuk Seri Anwar Ibrahim berdasarkan jawaban-jawaban yang beliau berikan dalam dua sesi temubual kepada pihak media. Temubual pertama, yang diterbitkan atas tajuk “*Brinkmanship*” memaparkan perbualan antara Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) dengan Eddin Khoo & Jason Tan disiarkan oleh majalah *The Edge Daily* pada 2 Februari 2005. Temubual yang berlangsung di kediaman Anwar, merupakan siri-siri temubual yang diberikan oleh DSMI semenjak beliau dibebaskan daripada tahanan. Terdahulu, satu lagi temubual eksklusif beliau – diadakan di Munich, Germany – melibatkan beliau dengan wartawan (Lorraine Hahn) disiarkan di agensi berita CNN melalui segmen *CNN Talk Asia* pada 25 September 2004. Sehubungan itu, apa yang dianalisis melalui segmen ini dibataskan hanya kepada skop pemikiran beliau berdasarkan intipati perbualan Anwar dengan pihak media melalui dua sesi temubual yang berlangsung antara empat dan lima tahun itu sahaja. Persoalan sama ada berlaku sebarang perubahan kepada segi-segi pemikiran beliau pada hari ini, kelihatannya wajar ditangguhkan buat sementara waktu sekarang ini.

### Kepercayaan Anwar

Merenungi pemikiran Anwar Ibrahim boleh memberi gambaran awal mengenai apa yang dipercayainya. Gambaran awal tersebut adalah berkenaan sistem politik negara ini yang korup dan tidak berlandaskan nilai serta etika agama sama sekali. Nilai-nilai kemanusiaan digambarkan sebagai sudah terhakis akibat daripada tekanan dan paksaan yang dikenakan oleh sistem politik negara ini ke atas rakyat secara keseluruhan.

Akibat daripada sifat dan watak sistem politik negara ini yang sebegini, rakyat digambarkan seolah-olah dikunci dan dibelenggu pemikiran mereka. Mereka digambarkan sebagai tidak berupaya sama sekali untuk menggunakan pemikiran sendiri bagi menyuarakan ketidakpuasan hati masing-masing. Dengan kata lain, itulah situasi budaya politik rakyat yang dibentuk sekian lama oleh proses sosialisasi politik yang tempang. Sistem politik yang ditadbir oleh pemerintah digambarkan sebagai sistem yang kaku, yang sarat dengan peraturan-peraturan yang sengaja diciptakan untuk mengekang

kebebasan pemikiran rakyat dan menimbulkan ketakutan di kalangan bukan sahaja rakyat negara ini, malah turut kejam terhadap rakyat asing. Golongan-golongan yang disifatkan sebagai ‘cendekiawan’ yang sepatutnya bersuara menegakkan kebenaran seperti para profesor dan juga mahasiswa, juga tidak terlepas daripada ‘sindrom membisu’ lantaran bimbang segala keistimewaan dan keselesaan mereka terjejas sekiranya mereka bersuara. Akta Keselamatan Dalam Negeri digambarkan sebagai senjata berkesan yang selama ini mengawal akal budi rakyat secara tidak sah dan malah kejam. Kerosakan dan kebobrokan sistem politik dan pemerintahan negara ini dikaitkan antara lain dengan perlakuan-perlakuan pihak parti pemerintah yang berkiblatkan kepentingan peribadi serta amalan rasuah.

Akibatnya, gejala-gejala buruk seperti kronisme dan konspirasi menjatuhkan lawan politik menjadi agenda utama dalam perjuangan politik. Semua gejala buruk sebagaimana diungkapkan di dalam sesi-sesi temubual berkenaan – antaranya tiada kebebasan, wujudnya ketakutan, menyuburnya gejala-gejala kepentingan peribadi dan rasuah – dikaitkan dengan kegagalan sistem untuk menyediakan platform atau forum yang sesuai untuk rakyat menyuarakan pandangan mereka kepada kerajaan. Lebih buruk, sistem politik dan pemerintahan negara ini telah gagal untuk memberikan keadilan sewajarnya kepada pembangkang untuk memainkan peranan mereka sebagai ‘pengimbang’ kepada urusan mentadbir masyarakat. Ini diburukkan lagi oleh gambaran Anwar mengenai amalan media yang memilih-milih dalam menyalurkan kandungan maklumat kepada rakyat yang dianggap oleh Anwar sebagai satu cabaran terbesar bagi membetulkan sistem yang sedia goyah.

## **MENGENAI KEBEBASAN**

Anwar Ibrahim membangkitkan isu-isu seperti sistem kerajaan yang didakwanya bersifat tidak berperikemanusiaan dan merendahkan martabat manusia; unsur-unsur ketakutan yang dipaksakan ke atas rakyat; ketidakwajaran pentadbiran ke atas tiga cabang pemisahan kuasa – eksekutif, perundangan dan kehakiman – yang mengandungi unsur-unsur kesangsian; tekanan melampau ke atas pembangkang; ketiadaan ruang untuk meluahkan pemikiran secara terbuka; isu ISA yang dibantah keras oleh Anwar; isu agama dan bangsa dalam kaitan dengan kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan masing-masing; serta pengoperasian media yang dikawal sepenuhnya oleh kerajaan.

### **Mengenai Polisi & Sistem Kerajaan**

Anwar menyentuh soal-soal polisi dan sistem kerajaan yang didakwanya sebagai kompleks kerana berkaitan dengan pelbagai elemen. Kebanyakan elemen tersebut tertuju kepada amalan-amalan yang dilumrahkan atas kepentingan peribadi dan rasuah; dasar kerajaan mengenai pendatang tanpa izin; suara dan peranan pembangkang yang ditekan oleh pemerintah. Pokoknya, Anwar percaya tidak ada peluang bagi pembangkang untuk ‘membetulkan’ sistem negara yang pincang. Selain itu, Anwar melihat isu dasar afirmatif ekonomi dan pembangunan negara yang digunakan untuk menakutkan rakyat mengenai hak keistimewaan Melayu/Bumiputera, hanya mengeraskan sifat stereotaip orang-orang Melayu. Begitu juga dengan keterbatasan peluang yang diberikan kepada orang-orang bukan Melayu dalam kedudukan tertentu seperti yang ditunjukkan melalui senario di universiti-universiti tempatan yang disifatkan oleh Anwar sebagai sudah terlalu membudaya.

## Mengenai Sistem & Proses Politik

Anwar menyuarakan kebimbangan mengenai unsur “ketakutan” yang didoktrinkan di dalam diri rakyat terutamanya di kalangan golongan-golongan penting seperti pelajar dan malahan profesor-profesor di universiti. Anwar mempersoal kematiangan budaya politik yang disifatkannya dilentur secara tidak wajar manakala proses-proses politik seperti pilihanraya dicemari dengan penipuan dan pemanipulasi. Akhirnya, ketidakwajaran seperti itu kemudiannya mewujudkan lawan-budaya atau ‘*counter-culture*’ di dalam masyarakat lantaran ketiadaan forum yang dianggap ‘selamat’ dan ‘terbuka’.

## Mengenai Golongan Muda

Anwar percaya bahawa golongan muda hari ini “dirasuh” oleh parti pemerintah dengan pelbagai tarikan aktiviti ‘budaya pesta-pestaan’ dan bukannya menggunakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebebasan. Beliau mendakwa semua aktiviti ini dirancang oleh para “strategis muda” parti pemerintah.

## Mengenai Islam

Ini merupakan antara komponen-komponen yang mengukuhkan kepemimpinan Anwar. Isu berkaitan Islam disentuh dan dihuraikan dengan agak luas oleh pemikiran Anwar. Antaranya termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan Islam dalam konteks hubungannya dengan amalan dan kepercayaan pelbagai kaum di Malaysia. Persefahaman antara pelbagai penganut agama yang dikembangkan melalui dialog secara berskala besar melibatkan Muslim dan bukan Muslim turut diperjuangkan oleh Anwar.

Kepemimpinan bukanlah anugerah. Ia melibatkan paduan pelbagai unsur, nilai dan kepercayaan yang menyatu ke arah niat untuk mewujudkan situasi sejahtera kepada umat manusia. Dari sudut pandangan umum bidang kepemimpinan, Anwar adalah personaliti yang amat mudah diungkap kelebihannya menurut hampir-hampir semua teori dan pendekatan mengenai kepemimpinan. Karisme, perilaku peribadi, situasi, serta transformasi adalah komponen-komponen yang memberikan imej dan reputasi sedemikian kepada Anwar selaku pemimpin. Drucker, pakar bidang pengurusan menyebutkan bahawa seorang pemimpin akan terus menjadi pemimpin selama dia masih mempunyai pengikut. Berdasarkan anggapan itu, Anwar akan terus diangkat sebagai pemimpin menurut cara dan kadarnya. Persoalan sama ada pemikiran Anwar diterjemah secara nyata melalui sebarang perubahan yang sudah, masih atau akan dibuatnya kelak, belum lagi menjadi sesuatu yang relevan dalam keadaan sekarang.

## ANALISIS RINGKAS 2

Pada 4 Mac 2008, akbar The Star menyiaran laporan berita mengenai Pilihanraya Umum ke 12 di halaman N18 dengan salah satu laporannya memaparkan laporan temubual media dengan bekas pemimpin Keadilan, Dr Chandra Muzaffar atas tajuk “*Disaster if Anwar is PM*”. Antaranya termasuklah isu-isu bagaimana Anwar digambarkan sebagai tidak boleh dipercayai sebagai seorang ahli politik, misalnya dalam kaitan beliau dengan isu Bahasa Melayu dan kes Kampung Jawa di Pulau Pinang yang menyaksikan ketidakbijaksanaan Anwar menangani pergaduhan antara penduduk beragama Islam dan Hindu yang memungkinkan risiko melebarnya polarisasi antara kaum. Seterusnya

media memetik dan memaparkan kenyataan Chandra Muzaffar yang antara lain berbunyi:

*"My fear is that this coming election will reinforce and aggravate the ethnic polarisation if a large number of non-Malays vote for the Opposition, and worse if a large percentage of Malays vote for the Opposition. This will cause Umno to be very cautious in making any changes to the ethnic question and addressing issues related to religion."*

Selepas sahaja rencana temubual itu disiarkan, pelbagai maklumbalas diterima yang memaparkan pro dan kontra kenyataan Chandra Muzaffar dalam konteks politik semasa serta kesannya ke atas pilihanraya umum. Begitu besarnya wibawa media ke atas budaya politik.

## KESIMPULAN

Wibawa media dalam konteks budaya politik dalam lingkungan sistem politi dan politik di mana-mana negara pun menjadi antara faktor besar yang tidak boleh diketepikan pada setiap kali analisis mengenai aktiviti-aktiviti politik dibuat. Penggunaan internet khususnya serta kelebihan media cetak menjadikan budaya politik sebagai sesuatu yang sangat dinamis sifatnya pada hari ini. Framing, atau pembingkaian, yang dibuat terhadap sesuatu berita seharusnya menonjolkan peristiwa atau isu dan mengaitkannya dengan teliti dan beradab untuk mencetuskan pentafsiran dan penilaian yang murni dan berimbang. Itu seharusnya peranan besar media. Melainkan hal itu disepakati dan diamalkan segera, budaya politik dalam konteks sistem politi dan politik negara ini akan diragui kandungan dan hala-tujunya.

## NOTA AKHIR

<sup>1</sup> Kegemilangan kerajaan Melaka, dengan Melayu sebagai bahasa dan Islam sebagai agamanya, memberikan tanda asal-usul politi alam Melayu yang kekal di rantau ini sehingga lebih lima kurun. Dan meskipun kerajaan ini berakhir pada 1511, negeri-negeri berikutnya mengekalkan ciri-ciri politi Melayu yang telah diasaskan terdahulu, iaitu sekurang-kurangnya dari segi bahasa, agama, budaya, politik dan pentadbiran. Pihak British selaku penjajah pada masa itu turut mengakui kesultanan politi-politi Melayu-Muslim ini dan mengikat pelbagai perjanjian atas dasar-dasar tersebut. Huraian lanjut berkennaan soal hubungan antara komuniti Muslim dan bukan Muslim ini dalam konteks alam melayu serta peranan Islam dijelaskan oleh Chandra Muzaffar dalam kertas pemikiran beliau, "Accommodation and Acceptance of Non-Muslim Communities within the Malaysian Political system: The Role of Islam", dalam *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vo. 13 (1) Spring 1996 pp. 28-41.

<sup>2</sup> Chandra Muzaffar, ibid. Di sebalik semgala fakta berkaitan kesukaran hidup dan keadaan tertekan yang dialami oleh komuniti Melayu, khususnya sebagaimana diperlihatkan pada tahun-tahun 1950an, mereka – yakni orang-orang Melayu – masih lagi boleh menerima dan memberi laluan kepada komuniti bukan Melayu. Di sudut inilah, Chandra mengemukakan persoalan, "What were the reasons behind what appears to be the Malay's tremendous political magnanimity?" (hal. 29).

<sup>3</sup> Untuk laporan yang lebih lengkap, sila rujuk Gullick, (1998) dalam *A History of Selangor 1766-1939*, halaman 35.

<sup>4</sup> Lihat, misalnya Gullick (1998) dalam *A History of Selangor 1766-1939*, halaman 69.

<sup>5</sup> Ini merupakan antara bentuk pendekatan yang dijadikan asas untuk kehidupan bersama antara komuniti berlainan etnik di Tanah Melayu sejak zaman Yap Ah Loy, Kapitan bagi orang-orang China pada zaman awal Tanah Melayu. Lihat misalnya, penjelasan Gullick (1998) dalam *A History of Selangor 1766-1939*, halaman 122. Antara lain, Gullick menceritakan bagaimana lingkungan peraturan persekitaran komuniti pada masa tersebut begitu unik. Orang-orang Melayu dan Cina telah mengasingkan diri di kawasan masing-masing untuk mengelakkan pertelingkahan dengan orang-orang Cina mengenai isu penternakan babi dan isu-isu lain.

<sup>6</sup> *Straits Echo*, 11 Julai 1957 melaporkan bagaimana Tunku Abdul Rahman menyatakan, sewaktu dalam sidang Majlis Perundangan Persekutuan dalam tahun 1957, bahawa "*Ia (kewarganegaraan) adalah hak yang menyebabkan orang-orang Melayu bimbang dan gusar. Bagaimanapun disebabkan hasrat untuk menjadikan orang-orang Melayu mendorong sebagai negara merdeka, mereka bersedia untuk memberikan hak tersebut kepada orang-orang baru*". Tunku juga telah, sebelum itu, menenangkan orang-orang Melayu dengan mengatakan bahawa orang-orang Melayu "*tidak akan kehilangan apa-apa, sebaliknya beruntung bila mendapat*

kemerdekaan."

- <sup>7</sup> Lihat misalnya, bagaimana akhbar melaporkan kenyataan Presiden Parti Gerakan, Dr. Lim Keng Yaik yang meminta parti politik melupakan formula kontrak sosial yang telah dipersetujui semua kaum ketika negara ini kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu. Pada 15 Ogos 2005, Dr. Lim Keng Yaik dipetik oleh akhbar menyampaikan mesej, antara lain, bermaksud "*Malaysia will never see the creation of a Bangsa Malaysia as long as there are people using the 1957 social contract to silence the non-Malays.*" (*New Straits Times*, August 15, 2005, pg. 22). Pada 17 Ogos 2005 pula, akhbar – misalnya *Utusan Malaysia* – melaporkan bagaimana Dr. Lim Keng Yaik menemui Perdana Menteri untuk menjelaskan isu kontrak sosial; manakala pada 18 Ogos 2005, *Utusan Malaysia* melaporkan keputusan Kabinet untuk menerima penjelasan Dr. Lim Keng Yaik berkenaan kontrak sosial dan ungkapan bangsa Malaysia sebagai merujuk kepada rakyat negara ini. Sebelum itu, pada 14 Ogos 2005, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting mengungkapkan semula konsep "Rakyat Malaysia" yang disifatkan sebagai penting dan tepat pada masanya dalam keadaan sekarang (*Utusan Malaysia*, 15 Ogos 2005, halaman 13). Sekali lagi, pendirian '*accommodation & acceptance*' ditunjukkan secara teori dan amali oleh sistem politi Melayu negara ini. Dengan hal ini di fikiran, pertanyaan Chandra Muzaffar di nota bernombor 11 di atas, wajar dibaca bersama.

- <sup>8</sup> Ini merupakan isu yang sangat penting kerana pada kenyataannya, soal penerimaan (*accommodating*) bukan sahaja melibatkan komuniti bukan Melayu atau bukan Islam semata-mata, malah turut melibatkan di kalangan orang-orang Melayu sahaja. Gullick (1998: 147) dan Milner (1982: 2) umpamanya memerhatikan bahawa di kalangan komuniti Melayu sendiri pun, para penduduk asal sesuatu tempat memandang pihak imigran "Melayu" yang lain (yang dikenal sebagai '*orang dagang*') sebagai orang asing yang tidak dialu-alukan; ini memanglah agak ironis kerana sebagaimana menurut Milne, memang betul orang-orang Melayu yang meninggalkan kampung halaman dan "merantau" di dalam 'alam Melayu' yang bahasa mereka adalah sama, manakala ciri budaya mereka – seperti monarki dan Islam – adalah pemandangan yang sama, namun dari segi identiti dan ketaatan politik, tidak terdapat unsur kesatuan sama sekali.

Dari perspektif Islam, keadaan sebegini adalah berlawanan dengan anjuran dan ajaran Rasulallah, sebagaimana sabda Baginda, "*Orang yang tidak berterima kasih kepada orang lain (yang melakukan kebaikan kepadanya) adalah tidak berterima kasih kepada Allah SWT*" (RasullahLlah S.A.W, riwayat Abu Daud)

- <sup>9</sup> Rujuk Gullick, di nota bernombor 14 di atas.

- <sup>10</sup> Leeds, C.A. (1981). 3<sup>rd</sup> Edition. *Political Studies*. Plymouth: Macdonald & Evans.

- <sup>11</sup> Diliputi oleh Crawford Johnson & Northcott <http://broadcastengineering.com/news/tv-rides-high-survey-election-news-0523/>, dipetik pada May 23, 2008 08:00; tulisan Alexis Simendinger melalui makalahnya "*New media as the message internet videos, news, and citizen-generated media are having an impact, but it's not certain that they are powerful enough yet to be game-changers.*"

- <sup>12</sup> Antara enam akhbar yang diliputi – *The Star*, *NST*, *theSun*, *Utusan Malaysia*, *Malaysia Nanban* dan *Makkal Osai* – peratusan ruangan yang diperuntukkan kepada pemberitaan dan penceritaan yang dikategori sebagai pro-BN adalah: *Utusan Malaysia* 82%, *Malaysia Nanban* 70%, *Makkal Osai* 66%, *The Star* 63%, *NST* 60%, dan *The Sun* 43%. Sumber: Aliran, boleh dicapai pada 26 September 2008 di alamat [http://www.aliran.com/elections/archives/2008\\_03\\_01\\_archives.html](http://www.aliran.com/elections/archives/2008_03_01_archives.html)

- <sup>13</sup> *The Sun* memaparkan 14 halaman iklan atau peningkatan 80 peratus daripada minggu sebelumnya; *NST* dan *The Star* masing-masing menunjukkan peningkatan 77 dan 71 peratus; manakala *Utusan Malaysia* memaparkan 5 halaman penuh. Iklan-iklan tersebut dibuat dalam bentuk mesej penuh halaman, berwarna-warni dan memaparkan pelbagai kementerian dan agensi serta ditambah dengan keluaran khas pilihan raya.